

Pandangan Cendekiawan Zakat di Malaysia terhadap Pembiayaan Mikro Kredit daripada Dana Zakat

Muhammad Anas Ibrahim

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email of corresponding author: kwafid@gmail.com

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pandangan cendekiawan zakat di Malaysia terhadap pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat. Persoalannya, apakah akan dibenarkan penggunaan dana zakat untuk pembiayaan mikro kepada golongan usahawan asnaf kerana zakat adalah pindah milik dana zakat kepada asnaf? Apatah lagi ia dilakukan dalam bentuk qardul hasan dan mudarabah. Dapatan menggunakan kaedah temu mendalam dan analisis kandungan yang merangkumi latar belakang responden dan pandangan serta alasan. Dapatan analisis juga mempamerkan responden menerima kaedah agihan dana zakat dengan cara pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf. Ini bagi memastikan perniagaan usahawan asnaf tidak terhenti setakat itu sahaja, bahkan boleh berkembang sehingga mampu mereka mengeluarkan diri daripada asnaf dan menjadi pengeluar zakat.

Kata Kunci: *Agihan zakat, Pembiayaan Mikro, Mekanisme Pembiayaan mikro*

1.1 PENDAHULUAN

Kemiskinan yang berlaku di Malaysia berpunca daripada pengagihan kekayaan yang tidak seimbang. Ini kerana keutamaan pembiayaan diberikan kepada golongan yang kaya dalam urusan pembiayaan dan pinjaman daripada institusi kewangan. Hal ini, mereka dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh institusi kewangan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2008).

Sebaliknya, golongan yang miskin terus diabaikan. Mereka akan berhadapan dengan pelbagai rintangan untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan oleh institusi kewangan. Puncanya, golongan ini diabaikan disebabkan tiada aset yang boleh dicagarkan sebagai jaminan sesuatu pembiayaan atau pinjaman (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Sedangkan usahawan kecil memerlukan modal permulaan bagi memulakan perniagaan. Pada peringkat yang seterusnya, mereka memerlukan modal tambahan untuk mengembangkan usahawan mereka.

Terdapat institusi menyalurkan pembiayaan seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memberikan bantuan modal daripada RM5,000 sehingga RM50,000 untuk pembiayaan kali pertama. Tetapi pembiayaan yang kurang daripada RM5,000 ke bawah adalah perniagaan kecil-kecilan. (Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008). Pembiayaan ini diberikan secara percuma tanpa perlu pembayaran balik.

Walaupun begitu, kebanyakan pembiayaan perniagaan tanpa bayaran semula seringkali berlaku kegagalan berbanding pembiayaan mikro (Rosbi Ab.Rahman, Sanep Ahmad, Hairunnizam, 2008). Punca kegagalan pembiayaan secara percuma disebabkan anggapan bahawa jika berlaku kerugian tidak menimbulkan sebarang masalah. Tiada cagaran aset yang dicagarkan akan hilang. Menjadikan mereka tiada komitmen untuk memajukan perniagaan dan berakhir dengan kegagalan iaitu dengan kerugian (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Tambahan pula, mereka beranggapan pembiayaan daripada institusi zakat merupakan sumbangan ihsan kepada golongan asnaf (Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, 2008). Sedangkan, tujuan utama zakat adalah untuk mengeluarkan golongan asnaf daripada kepompong kemiskinan dan membina sumber ekonomi kepada asnaf. Bagi menjadikan mereka bukan lagi penerima zakat bahkan menjadikan mereka pengeluar zakat.

Cabaran yang dihadapi oleh usahawan asnaf pada masa kini antaranya ketiadaan cagaran dan jaminan bagi memenuhi syarat pembiayaan daripada institusi pembiayaan (Jumaat Abd Meon, Ahmad Rafli Che

Omar, Zaimah Darawi & Hamdino Hamdan, 2012). Sedangkan institusi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) memerlukan cagaran bagi mengeluarkan pembiayaan kepada usahawan-usahawan yang memerlukan (Majlis Amanah Rakyat, 2016). Namun, rata-rata usahawan asnaf merupakan perniagaan yang kecil serta tidak mempunyai aset dan pengurusan kewangan yang lengkap untuk melakukan cagaran. Selain itu, persepsi negatif sering kali terhadap usahawan mikro oleh kebanyakan institusi kewangan yang enggan menjadikan pembiayaan berbentuk ekuiti terhadap mereka. Pihak institusi kewangan juga sering beranggapan usahawan mikro sebagai peminjam yang berisiko. Pada kebanyakan pinjaman yang disalurkan kepada usahawan-usahawan tersebut berlaku sukar untuk pembayaran semula berbanding perusahaan besar yang menjamin pembayaran balik (Zuhaira Samsudin & Ab Mumin Ab Ghani, 2015).

1.2 HUKUM PEMBIAYAAN MIKRO DARIPADA DANA ZAKAT

Tujuan agihan zakat adalah memberikan kehidupan yang sempurna kepada asnaf (Aminah Hamadah & Faiezah Hamu, t.t). Ia termasuklah kaedah agihan dalam bentuk pembiayaan mikro yang mempunyai kemampuan untuk mencapai hak seseorang individu bagi melengkapinya maqasid syariah.

Kaedah meletakkan keharusan dalam melaksanakan pembiayaan mikro daripada dana zakat berdasarkan kepada nas al-Qur'an dan Hadith serta disokong dengan *qias* dan *ijtihad* para ulama silam dan kontemporari.

Dalam sub-topik ini memisahkan kepada tiga perbincangan. Pertama, pemahaman al-Qur'an dan Hadith berdasarkan kepada bahasa (*Lughawi*) dan sebab (*'Illah*). Kedua, perbincangan berdasarkan *maslahah* dan *maqasid syariah*.

1.2.1 Pemahaman Al-Quran dan Hadith

Kefahaman pada nas yang terdiri daripada al-Qur'an dan Hadith boleh melalui *lughawi* atau *illah*. Ia disebabkan nas tersebut bersifat jelas yang mudah difahami hukumnya atau tidak.

Memahami nas ini secara *lughawi* secara maksudnya adalah memahami melalui zahir ayat atau maknanya tanpa perlu kepada penaksiran yang mendalam. Dan adapun, 'Ilah pula membawa maksud sifat yang jelas dan konsisten dengan mensabitkan hukum keatasnya atau sesuatu yang patut menjadi matlamat penetapan hukum tersebut dapat dicapai. Namun, 'illah boleh berubah disebabkan oleh faktor-faktor semasa. Hal ini akan berlaku apabila ketiadaan nas daripada al-Qur'an dan Hadith yang menjelaskan secara mendalam.

Pandangan ini adalah menentukan perubahan sesuatu hukum itu berdasar kepada keadaan semasa kerana dalam bab feqh sesuatu itu akan berubah pada keadaan dan masa dan ia tidaklah tetap seperti dalam hal aqidah. Jika kutipan itu banyak maka agihan juga akan lebih. Jika berlakunya kutipan sedikit maka dilihat kepada golongan yang ada ketika tu yang paling memerlukan untuk mengeluarkan daripada kemiskinan.

Dalil al-Quran dalam surah at-Taubah yang menjelaskan kalimah " للفقراء والمساكين ". seorang tokoh agama menjelaskan secara bahasa seperti berikut:

"pemberian zakat diutamakan kepada fakir dan miskin seperti yang jelas dalam al-Qur'an "

" للفقراء والمساكين " yang menyebut fakir dan miskin terlebih dahulu"

Pandangan beliau boleh disabitkan dengan satu Hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas (رضي الله عنهما) yang menyebut:

"عن ابن عباس رضي الله عنهما: أن النبي صلى الله عليه وسلم بعث معاذًا إلى اليمن - فذكر الحديث - وفيه ((ان الله قد افترض عليهم صدقة في اموالهم تؤخذ من اغنيائهم , فترد في فقرائهم))"

Maksudnya;" Daripada Ibnu Abbas Ra huma: Bahasanya Nabis SAW telah mengutuskan Muaz ke Yaman- maka telah dalam sebuah Hadith- an padanya ((Bahawasanya Allah telah

memfardukan ke atas mereka Zakat yang diambil daripada harta orang-orang kaya di kalangan mereka, dan dikembalikan kepada orang-orang di kalangan mereka))” (Bukhari no.1485)

Penjelasan Hadith ini menggambarkan memadai harta zakat itu diberikan kepada satu golongan sahaja iaitu golongan yang fakir dan juga termasuk golongan miskin. Hal ini disebabkan dibolehkan golongan miskin menerima zakat adalah fakir lebih diutamakan apatah kalau golongan miskin juga sebahagian daripada kemiskinan (Muhammad Ismail al-San’ani, 1999).

1.3 KONTRAK PEMBIAYAAN MIKRO YANG BERSESUAIAN KEPADA USAHAWAN ASNAF

Keutamaan dalam dana zakat dalam pengagihan zakat adalah tertumpu kepada golongan fakir dan miskin (Sulaiman Naser & Awatif Mohsen, 2011:14). Hal ini merupakan salah satu kaedah atau strategi dalam umum dalam pengagihan dana zakat. Ini di sandarkan kepada ijthad Sayidina Umar R.A seperti berikut:-

إذا أعطيتهم فأغنوا

Bermaksud: “Apabila diberikan dana zakat kepada mereka maka kayakan mereka”

Penyataan di atas adalah kaedah yang memberangsangkan kepada golongan fakir dan miskin supaya agihan zakat dapat mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan dan kefakiran. Sehingga disebutkan dalam tujuan utama diadakan institusi zakat seperti berikut:-

لا نعطيهِ لِيَبْقَى فَقِيرًا فَاِنَّمَا لِيَصْبِحَ مَرْكَبًا

Bermaksud: “tidak kita berikan kepada golongan fakir ini untuk mengekalkan kefakiran mereka, sesungguhnya apa yang diberikan untuk menjadikan mereka sebagai pengeluar zakat”

Maka menurut Sulaiman Naser & Awatif Mohsen (2011:14), sebagai fokus ke atas pandangan membina sesebuah institusi zakat supaya agihan mesti berbentuk mengeluarkan golongan asnaf ini daripada penerima zakat. Namun, diberikan zakat ini sehingga mencukupi keperluan mereka bahkan diberikan sehingga menjadikan mereka pengeluar zakat.

Oleh itu, pembiayaan mikro yang dilakukan kepada golongan usahawan asnaf yang berpotensi dibantu bukan sahaja sekadar bantuan modal hanya mampu untuk memulakan perniagaan sahaja tetapi diberikan dana tambahan daripada pembiayaan mikro supaya dapat mengembangkan perniagaan daripada perniagaan sara diri kepada perniagaan yang mempunyai keuntungan yang mampu mengeluarkan mereka daripada status asnaf.

Justeru, penyelidik mendapatkan pandangan daripada cendekiawan zakat di Malaysia terhadap tiga jenis kontrak atau akad iaitu *murabahah*, *qardu hassan* dan *mudarabah* bagi tujuan pembiayaan mikro daripada dana zakat.

1.4 KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan melihat bahawa agihan zakat dalam bentuk produktif adalah memberikan kesan kepada asnaf. Bukan sahaja membantu asnaf keluar daripada kemiskinan bahkan di kemudian hari menjadi pengeluar zakat. Agihan produktif boleh diumpamakan seperti memberi pancing dan umpan untuk menangkap ikan bukan lagi memberikan ikan. Ini boleh merubah persepsi mereka supaya tidak mengharap dana zakat buat selama-lamanya tetapi ada jalan keluar daripada terus berstatus asnaf.

Selain itu, dari sudut hukum pembiayaan mikro pula adalah harus digunakan daripada dana zakat sebagai masalah kepada golongan fakir dan miskin. Menagihkan dalam bentuk pembiayaan mikro adalah mengelak kerosakan yang lebih besar terutama usahawan asnaf akan terlibat dengan pembiayaan konvensional yang mempunyai unsur riba dalam muamalat tersebut.

Keharusan pembiayaan mikro daripada dana zakat adalah bersandarkan kepada nas al-Qur’an dan Hadith secara bahasa kemudian disandarkan kepada *Athar* iaitu perbuatan daripada sahabat.

Terakhir adalah kontrak yang boleh digunakan dalam pembiayaan mikro mempunyai banyak akad dibenarkan. Ia adalah akad yang tidak ada unsur riba, *tadlis*, dan *gharar*. Namun, dalam perbincangan in penyelidik hanya menyatakan tiga kontrak iaitu *murabahah*, *qardu hasan* dan *mudharabah*. Kontrak tersebut amat sesuai bagi permulaan untuk menjalankan pembiayaan mikro. Tapi kontrak lain juga boleh dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama iaitu di antara pihak institusi zakat dengan usahawan asnaf.

RUJUKAN

- Abu 'Ubayd (1981), *Kitab al-Amwal*. Cairo, Egypt: Dar al-Fikr
- Hussain Hussain Syahatah (2015). Temu bual Mendalam di Cairo, Mesir.
- Muhammad Abdul Halim Umar (t.t). *Uslub al-Tamwil al-Islamiah lil Masyru'ati al-soghir*. Universiti al-Azhar, Cairo
- Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015). *Mikro kredit daripada dana zakat di baitumal Acheh dan Potensi pelaksanaan di institusi-institusi di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia
- Patmawati Ibrahim & Ruziah Ghazali (2014). *Zakah As An Islamic Microfinancing Mechanism To Productive Zakah Recipients*. Asian Economic and Financial Review, 2014, 4(1):117-125
- Patmawati Ibrahim. (2016). Mengoptimalkan Pembiayaan Dana Zakat Untuk Golongan Miskin dan Memerlukan. *Persidangan Mikro Kredit Islam* (pp. 18-29). George Town, Pulau Pinang: Yayasan Islam Pulau Pinang.
- Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid. (2008). *Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan*. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia 2008 (Sesi III, A).
- Yusuf Al-Qaradawi. (2003). *Fiqh Zakah*. Cairo: Maktabah Wahabah
- Zuhaira Samsudin & Ab Mumin Ab Ghani, (2015) Aplikasi Musyarakah Mutanaqisah Dalam Pembiayaan Mikro Kewangan Islam. *Journal Syariah*, 217-234